



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

JTP 501 – ETIKA PERNIAGAAN

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

SOALAN 1 (25 markah)

Bincangkan **TUJUH (7)** langkah McKinsey dalam menyelesaikan masalah etika di tempat kerja.

SOALAN 2 (25 markah)

Kebelakangan ini telah menjadi tren syarikat luar negara membuka syarikat operasinya di Malaysia. Oleh kerana desakan kerajaan Malaysia, semua syarikat tersebut mesti membangunkan program etikanya sendiri. Bincangkan **LAPAN (8)** langkah pembangunan program etika yang perlu diambil oleh syarikat luar.

SOALAN 3 (25 markah)

Bincang dan huraiakan **TIGA (3)** salah laku pasif dan **TIGA (3)** salah laku aktif dalam kalangan pegawai kerajaan pada masa kini.

SOALAN 4 (25 markah)

Terdapat banyak laporan dan rungutan pelanggan terhadap perkhidmatan insuran di Malaysia yang melakukan salahlaku dan perbuatan yang tidak beretika syarikat tersebut dalam menyelesaikan musibah yang dihadapi oleh pelanggan mereka. Anda selaku pegawai penyiasat laporan ini, senaraikan kemungkinan perbuatan yang tidak beretika yang berlaku dan berikan penyelesaiannya berdasarkan Peranan Organisasi, Peranan Pekerja dan Peranan Kerajaan dalam menyelesaikan kemelut ini.